

URUS TADBIR RABBANI KE ARAH PENCAPAIAN MAQASID SYARIAH

Oleh:

Prof. Madya Dr Arieff Salleh bin Rosman¹

1 PENDAHULUAN

Allah SubhanaHu wa Ta’ala mengutus para Rasul berserta dengan SyariatNya untuk membina sistem kehidupan untuk seluruh manusia (Al-Qur'an, Surah al-Hadid, ayat 25). Syariat Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad ﷺ merupakan Syariat yang terakhir yang berkuatkuasa sehingga berlakunya kiamat (Al-Qur'an, Surah Ali ‘Imran, ayat 19), dan diperundangkan oleh Allah SubhanaHu wa Ta’ala bagi memenuhi maslahah seluruh manusia; di dunia dan akhirat (Ibnu’ Ashur, 1998). Apabila syariat Islam diabaikan dalam kehidupan manusia, pasti mafsadah dan kerosakan akan berlaku. Allah SubhanaHu wa Ta’ala menjelaskan bahawa peranan Pemimpin adalah untuk melaksanakan segala perintah Allah SubhanaHu wa Ta’ala dalam bidang kuasanya (Al-Qur'an, Surah al-Haj, ayat 41).

Maslahah yang menjadi teras kepada maqasid Syariah adalah sesuai untuk semua manusia pada setiap tempat dan zaman; untuk Muslim dan selain Muslim. Ini berasaskan konsep Islam rahmat untuk sekalian alam dan Syariatnya adalah selari dan menepati fitrah manusia (Al-Qur'an, Surah al-Rum, ayat 30). Fitrah bermaksud sistem yang dicipta oleh Allah SubhanaHu wa Ta’ala yang ada pada setiap makhlukNya (Ibnu ‘Ashur, 1998).

Menurut Ibnu ‘Ashur (w1973M), objektif umum Syariat Islam ialah memelihara kestabilan sistem kehidupan manusia dan mengekalkan kebaikan padanya (1998: 273), dan memelihara kestabilan sistem Dunia dan memberikan garis panduan bagi tindakan manusia untuk mengelak daripada kerosakan dan kehancuran (1998: 299).

Memahami dasar dan prinsip yang terdapat dalam Islam merupakan teras dalam urus tadbir Islam. Umar bin al-Khattab berkata, “Pelajari dan fahami ilmu agama sebelum kamu menjadi pemimpin.” Athar sahih direkod oleh Imam al-Bukhari (2002: 1/25)

Good governance merupakan nilai yang perlu ada dalam urus tadbir sesuatu institusi termasuk institusi politik dan pentadbiran awam. Nilai urus tadbir yang dinyatakan dalam al-Qur'an bukan hanya berkaitan dengan isu politik semata-mata, bahkan ia menjadi dasar dalam segenap aspek kehidupan manusia; sama ada kehidupan individu, keluarga, masyarakat atau negara. Artikel ini akan membincangkan beberapa prinsip urus tadbir yang terdapat dalam al-Qur'an, iaitu pertanggungjawaban (akauntabiliti), ketelusan, keadilan, integriti, persamaan, dan kebebasan.

¹ Felo Penyelidik Perundangan Islam & Kefatwaan, Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFIRST), Universiti Teknologi Malaysia; Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor. Email: aswar@utm.my

2 MAQASID SYARIAH & URUS TADBIR NEGARA

Allah SubhanaHu wa Ta'ala menjelaskan dalam al-Qur'an bahawa perutusan Nabi Muhammad ﷺ adalah untuk membawa kebaikan dan rahmat bagi sekalian alam. Firman Allah SubhanaHu wa Ta'ala: "Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam." (Surah al-Anbiya', ayat 107)

Al-Syatibi (w790H) menjelaskan, kefahaman daripada ayat 107 surah al-Anbiya', rahmat yang dibawa oleh Nabi Muhammad ﷺ tercermin pada memenuhi keperluan (*maslahah*) dan menghindari keburukan (*mafsadah*) di sebalik tujuan misi kerasulan Nabi Muhammad ﷺ ke dunia (al-Syatibi, 1997).

Urus tadbir Negara menurut kerangka Sains Politik Islam termasuk dalam konsep siyasah Syar'iyah. Menurut Ibnu Qayyim al-Jauziyah (w751H), siyasah Syar'iyah bermaksud tindakan pemimpin untuk memastikan maslahah dan manfaat rakyat dipelihara dan menjauhkan mereka daripada mafsadah dan kemudaratian, walaupun tindakan itu tidak dinyatakan dalam sunnah Nabi Muhammad ﷺ atau diwahyukan oleh Allah SubhanaHu wa Ta'ala (Ibnu Qayyim al-Jauziyah, 1961). Menurut sebahagian ulama, siyasah Syar'iyah juga bermaksud kelonggaran bagi para pemerintah melakukan apa sahaja yang boleh membawa kebaikan selagi ianya tidak bertentangan dengan prinsip agama, walaupun tidak ada dalil khusus yang membolehkan ia dilakukan (Bahansi, 1965; Khallaf, 1984).

Berdasarkan maksud siyasah Syar'iyah tersebut, menunjukkan bahawa urus tadbir menurut Islam adalah tindakan pemimpin yang berteraskan maqasid Syariah. Siyasah Syar'iyah yang diaplikasi dalam sistem urus tadbir Islam adalah bersifat fleksibel dan dinamik. Islam memberikan garis panduan umum kepada para pemimpin, manakala pelaksanaan detil diserahkan kepada kebijaksanaan pemimpin (Sharifah Hayaati & Asmak, 2011).

Abdul Wahhab Khallaf (w1956M) menjelaskan konsep siyasah Syar'iyah dalam pemerintahan negara sebagai melaksanakan pentadbiran awam negara Islam dengan cara yang boleh memberi kebaikan dan menolak kemudaratian dalam lingkungan batas-batas syariat dan prinsip umumnya, walaupun tidak selaras dengan pandangan para imam mujtahidin yang terdahulu atau tanpa mengikut jejak langkah salaf dalam mengambil kira kepentingan dan perkembangan semasa. Sebenarnya tidak ada halangan Syarak untuk mengambil apa sahaja langkah yang boleh menolak kemudaratian dan memenuhi maslahah dalam apa sahaja urusan negara selagi ianya tidak terkeluar daripada batas-batas syarak dan kaedah-kaedah umumnya (Khallaf, 1984).

Menurut Fathi Uthman (w2010M), antara bentuk siyasah Syar'iyah ialah mengambil faedah daripada pengalaman orang bukan Islam dalam bidang pentadbiran selagi ianya boleh menghasilkan keadilan dan menjamin kepentingan orang ramai serta tidak pula bertentangan dengan mana-mana nas Syarak, sama ada secara khusus atau secara umum. Sebagai contohnya, kata beliau ialah tindakan Umar memperbaharui kaedah pentadbiran negara berdasarkan pengalaman baru yang diperolehi dari jajahan-jajahan yang baru ditakluki oleh tentera Islam pada waktu itu (Uthman, 1979).

Kerajaan yang diamanahkan untuk mengurus hal ehwal rakyat adalah tertakluk kepada Syariat yang dibawa oleh Nabi Muhammad ﷺ. Kerajaan berperanan memastikan agama Islam didaulatkan serta mengurus bagi memastikan maslahah umat dipelihara (al-Mawardi, 1996; al-Ghamidi, 1430H).

Kaedah fiqh menjelaskan, “Tindakan pemimpin adalah tertakluk kepada maslahah rakyat” (al-Zarkasyi, 1982: 1/309). Kaedah ini merupakan kaedah umum yang utama dalam perundangan Islam berkaitan siyasah Syar’iyah. Ia berkaitan dengan maqasid utama dalam perundangan Islam iaitu ‘Memenuhi maslahah dan menjauhi mafsadah’ melalui pemeliharaan kepada lima elemen (*daruriyat khamsah*); agama, nyawa, harta, maruah dan akal. Objektif perundangan Islam ini hanya akan terlaksana apabila para pemimpin melaksanakan amanah rakyat dan memelihara hak mereka dengan adil (al-Ghamidi, 1430H).

Menurut al-Ghazali (w505H):

“Maslahah pada asalnya bermaksud mendapatkan manfaat atau menjauhkan mudarat. Namun, bukan ini yang kami maksudkan. Mendapatkan manfaat dan menjauhkan mudarat adalah objektif kehidupan manusia dan keperluan untuk memenuhi objektif tersebut. Yang kami maksudkan dengan maslahah ialah memelihara objektif Syarak iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta manusia. Setiap tindakan yang dapat memenuhi lima kepentingan tersebut adalah maslahah. Manakala setiap tindakan yang menjelaskan lima kepentingan tersebut adalah mafsadah dan menghilangkan mafsadah adalah satu maslahah.” (1993: 174)

Manakala menurut Ibnu ‘Ashur, maslahah bermaksud tindakan yang menghasilkan kebaikan, sama ada manfaatnya sentiasa diperoleh atau boleh diperoleh dalam kebanyakan keadaan, sama ada untuk masyarakat atau individu. Manakala mafsadah pula sesuatu yang berlawanan dengan maslahah iaitu tindakan yang menghasilkan kerosakan atau mudarat, sama ada kemudaratannya sentiasa diperoleh atau boleh diperoleh dalam kebanyakan keadaan, sama ada untuk masyarakat atau individu (1998: 278-279).

Maksud kaedah, ‘Tindakan pemimpin adalah tertakluk kepada maslahah rakyat’, segala tindakan pemimpin; sama ada pemimpin umum (Kerajaan dan agensinya) atau pemimpin khusus (keluarga) mestilah mendatangkan maslahah dan menjauhkan mafsadah dan kemudaratian. Setiap pemimpin wajib memastikan setiap tindakannya memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta orang di bawah tanggungjawabnya. Setiap tindakan yang mendatangkan manfaat yang diakui oleh Syarak dan menjauhkan kemudaratian adalah tindakan yang diiktiraf oleh Syarak. Sebaliknya, jika tindakan pemimpin bukan bertujuan untuk mendatangkan manfaat dan menjelaskan lima elemen tersebut, maka ia tindakan yang tidak dibenarkan oleh Syarak (Haydar, t.th.; al-Ghamidi, 1430H). Setiap tindakan pemimpin yang terkeluar daripada maslahah, serta menjurus kepada mafsadah, adalah tindakan yang telah terkeluar daripada kepimpinan yang menepati Syarak serta terkeluar daripada siyasah yang adil (Abu Yusuf, 1399H; al-Zarqa’, 1387H).

Setiap tindakan Pemimpin Kerajaan dan Agensinya hanya berkuatkuasa sekiranya tindakan tersebut mendatangkan manfaat dan memenuhi maslahah rakyat; sama ada ia berkaitan dengan urusan keduniaan atau keagamaan (al-Zarqa’, 1409H). Ini menunjukkan, tidak semua arahan Pemimpin wajib dilaksana oleh rakyat. Tindakan pemimpin yang tidak memenuhi maslahah, yang berlawanan dengan objektif Syarak, serta mendatangkan

mafsadah dan kemudaratan adalah tindakan yang tidak wajib diikuti oleh rakyat. Ini berdasarkan konsep, kuasa kepimpinan adalah amanah Allah SubhanaHu wa Ta’ala kepada pemimpin untuk memastikan maslahah dan manfaat diperolehi oleh rakyat. Pemimpin yang bertindak dengan tindakan yang mendatangkan mafsadah dan kemudaratan adalah suatu pengkhianatan terhadap amanah Allah SubhanaHu wa Ta’ala (Ibnu Nujaym, 1413H; al-Ghamidi, 1430H).

Firman Allah SubhanaHu wa Ta’ala: “Sesungguhnya Allah SubhanaHu wa Ta’ala menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, (Allah SubhanaHu wa Ta’ala menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah SubhanaHu wa Ta’ala dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah SubhanaHu wa Ta’ala sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat.” (Surah al-Nisa’, ayat 58)

Ayat ini, secara jelas menyatakan melaksanakan amanah - termasuk amanah kepimpinan - merupakan suatu kewajipan (al-Razi, 1994: 5/143). ‘Ali bin Abu Talib berkata, “Seseorang pemimpin bertanggungjawab melaksanakan segala hukum berpandukan wahyu yang diturunkan oleh Allah SubhanaHu wa Ta’ala. Pemimpin juga bertanggungjawab menunaikan segala amanah. Jika pemimpin melaksanakan tanggungjawab tersebut, maka menjadi tanggungjawab rakyat untuk mendengar dan mentaati segala arahannya.” (al-Tobari, 1992: 4/147)

Antara maksud amanah dan adil yang diwajibkan Syarak adalah pemimpin mengurus dan memimpin umat bagi memenuhi segala maslahah mereka dan menjauhkan mereka daripada sebarang kemudaratan dan kerosakan (al-Ghamidi, 1430H).

Tindakan pemimpin yang bertepatan dengan arahan Syarak adalah tindakan yang menepati maslahah. Manakala tindakan yang berdasarkan dosa dan maksiat adalah tindakan yang mengundang mafsadah dan kemudaratan. Mentaati pemimpin yang mentaati Allah SubhanaHu wa Ta’ala adalah wajib. Sebaliknya, jika pemimpin bertindak berlawanan dengan arahan Allah SubhanaHu wa Ta’ala, maka haram mentaatinya (al-‘Iz, 1421H; al-Zarqa’, 1387H).

‘Ali bin Abi Talib melaporkan, Rasulullah ﷺ bersabda: “Tiada taat dalam perkara maksiat kepada Allah SubhanaHu wa Ta’ala. Sesungguhnya taat hanya dalam perkara ma’ruf.” Hadis sahih direkod oleh Imam Muslim (t.th.: 3/1469)

al-Nawawi (w676H) ketika menjelaskan maksud hadis tersebut, mengatakan bahawa tindakan pemimpin yang berlawanan dengan asas adil dan tidak memenuhi maslahah orang bawahannya adalah maksiat yang menjadikan arahan pemimpin itu tidak wajib ditaati. Hadis ini menjelaskan menjadi kewajipan atas setiap pemimpin untuk bertindak dengan adil, benar dan memenuhi maslahah, sehingga melayakkannya untuk wajib ditaati dan permintaannya dipenuhi (1414H: 4/536-539).

Antara prinsip maqasid Syariah yang perlu dihayati dan diperaktik dalam urus tadbir Kerajaan ialah (Ibnu ‘Ashur, 1998):

- 1) Memelihara kestabilan sistem kehidupan manusia dan mengekalkan kebaikan padanya.
- 2) Mengamalkan konsep wasatiyah iaitu bertoleransi dan memberikan kemudahan secara seimbang dan adil.

- 3) Melakukan proses pembaikan (islah) dan penambahbaikan dalam segenap aspek kehidupan; individu dan masyarakat, secara berterusan untuk kesejahteraan hidup manusia.

3 PRINSIP URUS TADBIR RABBANI

Pelaksanaan urus tadbir berasaskan memenuhi maslahah dan menjauhi mafsadah akan turut sama memastikan nilai urus tadbir yang dinyatakan dalam al-Qur'an terlaksana. Segala tindakan dalam urus tadbir Kerajaan yang menjadikan maqasid Syariah sebagai teras dan rujukan, memastikan segala urusan bertujuan untuk memelihara lima maslahah; agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta mengikut urutan tiga hierarki; daruriyyah, hajiyah, dan tahsiniyyah. Tindakan tersebut akan menyumbang kepada memelihara keamanan, menjaga kestabilan sistem, mengekalkan kebaikan untuk individu dan masyarakat dengan memelihara diri, maruah, keturunan, harta, pemilikan, keadilan dan kebijaksanaan (al-Syatibi, 1997; al-Ghamidi, 1430H).

Berdasarkan kajian yang dilakukan (Arieff Salleh & Yahaya, 2015), antara prinsip urus tadbir Rabbani yang wajib dipraktikkan oleh Pemimpin ialah pertanggungjawaban (akauntabiliti), ketelusan, keadilan, integriti, persamaan, dan kebebasan.

3.1 Pertanggungjawaban (Akauntabiliti)

Akauntabiliti didefinisikan sebagai kebertanggungjawaban seseorang individu atau organisasi yang dipilih atau dilantik dalam melaksanakan sesuatu tindakan khusus, kegiatan atau membuat keputusan untuk masyarakat awam yang menyerahkan kuasa kepada individu atau organisasi tersebut (Agere, 2000: 7).

Konsep akauntabiliti politik dalam al-Qur'an merujuk kepada dua asas, iaitu bertanggungjawab terhadap rakyat yang menyerahkan kuasa kepada pemimpin dan bertanggungjawab terhadap Allah SubhanaHu wa Ta'ala. Seseorang pemimpin itu bertanggungjawab dalam dua tempat, iaitu ketika di dunia dan juga di akhirat. Akauntabiliti dalam urus tabdir menurut al-Qur'an bukan hanya ketika hidup di dunia, bahkan seseorang pemimpin itu tidak akan terlepas daripada penghakiman Allah SubhanaHu wa Ta'ala di padang Mahsyar kelak.

Prinsip ini boleh dilihat melalui dua istilah yang ada dalam al-Qur'an, iaitu '*amanah*² dan *khilafah*. Firman Allah SubhanaHu wa Ta'ala: "Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya). Dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara yang tidak patut dikerjakan." (Surah al-'Ahzab 33: 72)

² Perkataan '*amanah*' dalam al-Qur'an diulang sebanyak 6 kali; sekali digunakan dalam bentuk tunggal, sekali digunakan dalam bentuk plural, sekali digunakan dengan perkataan '*amanatahu*' (amanahnya), '*amanatikum*' (amanah kamu) dan dua kali digunakan perkataan '*amanatihim*' (amanah mereka). Lihat: 'Abd al-Baqi, *al-Mu'jam al-mufahras*, hlm. 113.

Para ulamak tafsir berbeza pendapat dalam menjelaskan maksud amanah yang dikemukakan oleh Allah SubhanaHu wa Ta’ala dalam ayat tersebut. Sebilangan daripada mereka, seperti ‘Abd Allah bin ‘Abbas dan Sa‘id bin Jubair menjelaskan, Allah SubhanaHu wa Ta’ala telah mengemukakan ketaatan dan kewajipan kepada langit, bumi dan gunung. Iaitu, jika mereka melakukan kebaikan, maka akan diberi pahala dan ganjaran. Namun jika amanah itu diabaikan, mereka akan dihukum. Bagaimanapun, mereka tetap enggan memikul amanah itu kerana tiada kemampuan untuk menanggungnya. Lantas Nabi Adam a.s. bersetuju menerimanya (al-Tobari, 1992: 10/340-341; al-Zuhaili, 1991: 22/126-127).

Antara kewajipan yang diberikan oleh Allah SubhanaHu wa Ta’ala kepada manusia ialah mengurus dan mentadbir muka bumi ini berdasarkan agama Islam. Kewajipan ini diistilahkan sebagai *khilafah*. Kuasa politik merupakan amanah yang diberikan oleh Allah SubhanaHu wa Ta’ala kepada manusia. Justeru, mereka wajib melaksanakan kuasa politik itu mengikut ketentuan Allah SubhanaHu wa Ta’ala juga. Manusia dipertanggungjawabkan atas segala yang mereka kerjakan.

Firman Allah SubhanaHu wa Ta’ala: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya). Dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat.” (Surah al-Nisa’ 4: 58)

Ayat ini, secara jelas menyatakan melaksanakan amanah termasuk amanah kepimpinan - merupakan suatu kewajipan (al-Razi, 1994: 5/143). Para ulamak tafsir berbeza pendapat tentang kepada siapakah Allah SubhanaHu wa Ta’ala tujuhan arahan dalam ayat tersebut. Sebahagian daripada mereka seperti ‘Ali bin Abu Talib dan Zaid bin Aslam berpendapat, ayat tersebut ditujukan kepada para pemimpin. Namun, sebahagian yang lain seperti ‘Abd Allah bin ‘Abbas dan al-Hasan menjelaskan, ayat ini ditujukan kepada sesiapa sahaja yang diberikan amanah; sama ada yang berkaitan dengan keagamaan atau keduniaan (al-Tobari, 1992: 4/147-149).

Nabi Muhammad ﷺ menghubungkan amanah dengan iman. Baginda menjelaskan bahawa orang yang tidak menjaga amanah adalah orang yang tidak beriman. ’Anas bin Malik melaporkan, Rasulullah ﷺ bersabda, “Tiada iman, orang yang tidak menjaga amanah. Tiada agama, orang yang tidak berpegang kepada janji.” Hadis Hasan riwayat Ahmad (2001: 19/376)

Menjaga amanah merupakan salah satu ciri orang beriman. Allah SubhanaHu wa Ta’ala menjelaskan sifat orang beriman yang mendirikan solat adalah orang yang menjaga amanah dan janji (*Surah al-Ma’arij* 70:32); sama ada amanah yang diberikan oleh Allah SubhanaHu wa Ta’ala atau manusia (al-Tobari, 1992: 12/239; al-Razi, 1994: 12/82). Sebaliknya, perbuatan mengkhianati amanah dan melanggar janji adalah ciri orang munafik dan kafir (Qutub, 1994: 6/3702).

Sebagai dasar akauntabiliti, Allah SubhanaHu wa Ta’ala mengharamkan perbuatan khianat sebagaimana firman-Nya: “Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan rasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).” (Surah al-’Anfal 8: 27)

Ayat ini memberi peringatan kepada setiap orang beriman; pemimpin dan rakyat agar tidak melanggar amanah yang telah diberikan oleh Allah SubhanaHu wa Ta'ala dan Rasul serta amanah sesama manusia. Seseorang pemimpin bertanggungjawab melaksanakan amanah Allah SubhanaHu wa Ta'ala dan Rasul dengan melaksanakan syariat Islam dalam pemerintahannya. Pemimpin yang tidak melaksanakan undang-undang yang berteraskan al-Qur'an dan sunnah Nabi Muhammad adalah pemimpin yang mengkhianati amanahnya kepada Allah SubhanaHu wa Ta'ala dan Rasul. Pemimpin itu juga telah mengkhianati amanah kepimpinan yang telah diberikan oleh rakyatnya kerana tanggungjawab pemimpin dalam Islam adalah memimpin rakyat agar mentaati Allah SubhanaHu wa Ta'ala dalam kehidupan sehari-hari (Qutub, 1994: 3/1497-1498).

Selanjutnya Allah SubhanaHu wa Ta'ala menjelaskan, bahawa manusia yang layak diberikan kepercayaan bagi melaksanakan sesuatu tugas ialah orang yang mampu menjaga amanah. Ini difahami daripada ucapan anak perempuan Nabi Syuaib a.s.: "Salah seorang antara perempuan yang berdua itu berkata, "Wahai ayah, ambilah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita). Sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah." (Surah al-Qasas 28:26)

'Abd Allah bin 'Abbas melaporkan, "Nabi Syuaib bertanya kepada anak perempuannya, 'Bagaimana kamu tahu dia seorang yang kuat dan amanah?' Anak perempuan Nabi Syuaib menjawab, 'Saya merasakan dia seorang lelaki yang kuat semasa dia mengambil air untuk ternakan kita. Saya tidak pernah melihat seorang lelaki yang begitu kuat mengangkat air daripada perigi sepertinya. Manakala sifat amanahnya, semasa saya berjumpa dengannya, apabila dia mengetahui bahawa saya ini seorang perempuan, dia menundukkan pandangannya. Dia langsung tidak memandang wajah saya sehingga saya menyerahkan surat ayah kepadanya. Seterusnya semasa dalam perjalanan ke rumah kita, dia menyuruh saya berjalan di belakangnya. Dia berkata, 'Kamu jalan di belakang saya. Sila beri panduan untuk pergi ke rumah kamu.' Hanya orang yang amanah sahaja yang melakukan perkara seperti itu.' Nabi Syuaib mengakui kebenaran penilaian anak perempuannya itu terhadap Nabi Musa." (Al-Tobari, 1992: 10/61)

Pengajaran yang boleh diambil daripada ayat tersebut ialah; rakyat yang muhny menyerahkan kuasa politik kepada seseorang pemimpin perlu melantik daripada kalangan mereka yang mampu menjaga amanah. Demikianlah, Nabi Yusuf a.s. dilantik menjadi Menteri Kewangan Negara Mesir kerana baginda mampu menjaga amanah. Antara kata-kata Raja Mesir yang dirakamkan dalam al-Qur'an: "Dan (setelah mendengar pengakuan perempuan-perempuan itu), raja berkata, "Bawalah Yusuf kepadaku, aku hendak menjadikan dia orang yang khas untuk aku bermesyuarat dengannya." Setelah (Yusuf dibawa mengadap, dan raja) berkata-kata dengannya (serta mengetahui kebijaksanaannya) berkatalah raja kepadanya, "Sesungguhnya engkau pada hari ini (wahai Yusuf), seorang yang berpangkat tinggi, lagi dipercayai dalam kalangan kami." (Surah Yusuf 12:54)

Setiap apa yang dilakukan oleh seseorang manusia; sama ada pemimpin atau rakyat, akan dipertanggungjawabkan ketika hidup di dunia ini. Kemudian, akan dibalas oleh Allah SubhanaHu wa Ta'ala atas perbuatannya itu. Jika ia perbuatan yang baik, maka hasil dari kebaikan itu akan dikecapi di dunia dan akhirat. Sebaliknya jika ia suatu perbuatan yang merosakkan, maka kesan negatifnya pasti akan menimpa ke atas mereka. Firman Allah SubhanaHu wa Ta'ala: "Sesiapa yang mengerjakan amal soleh, maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri dan sesiapa yang berbuat kejahanan, maka bahayanya akan

menimpa dirinya sendiri. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-Nya.” (Surah Fussilat 41: 46)

Al-Tobari menjelaskan maksud ayat ini, sesiapa yang melakukan amal taat kepada Allah SubhanaHu wa Ta’ala ketika hidup di dunia ini; iaitu dengan melaksanakan segala yang disuruh dan meninggalkan segala yang dilarang, maka segala manfaatnya akan diterima untuk dirinya sendiri ketika di dunia dan dikurniakan syurga yang dijanjikan Allah SubhanaHu wa Ta’ala, serta selamat daripada seksaan api neraka di hari akhirat kelak. Manakala sesiapa yang melakukan kejahatan dengan menderhakai Allah SubhanaHu wa Ta’ala, maka orang itu akan menanggung kesannya kerana dia melakukan perkara yang mengundang kemurkaan Allah SubhanaHu wa Ta’ala, maka akan diseksa dengan seksaan yang amat pedih dalam api neraka. Demikianlah, Allah SubhanaHu wa Ta’ala tidak akan sekali-kali menzalimi hambaNya; iaitu tidak akan menghukum seseorang hamba itu melainkan dengan kesalahan yang telah dilakukannya ketika di dunia, atau sebab yang menyebabkan ia layak dihukum (1992: 11/121)

Firman Allah SubhanaHu wa Ta’ala dalam *Surah al-Shura* ayat 30 yang bermaksud: “Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah SubhanaHu wa Ta’ala memaafkan sebahagian besar dari dosa kamu.”

Al-Tobari menjelaskan, Allah SubhanaHu wa Ta’ala menyatakan bahawa segala apa yang menimpa kamu, wahai manusia, daripada musibah ketika di dunia ini; sama ada terhadap diri, ahli keluarga atau harta benda kamu, adalah kesan daripada dosa yang kamu lakukan. Ia sebagai hukuman daripada Allah SubhanaHu wa Ta’ala terhadap kamu. Walaupun begitu, Allah SubhanaHu wa Ta’ala mengampunkan kebanyakan daripada dosa kamu itu dengan tidak menghukum kesemuanya (1992: 11/150). Al-Razi menjelaskan, musibah yang dimaksudkan dalam ayat tersebut merujuk kepada perkara yang tidak disukai oleh manusia seperti kesakitan, penyakit, gempa bumi dan sebagainya (1994: 14/173).

Ayat tersebut menjelaskan, pemimpin dan rakyat bertanggungjawab atas segala yang mereka lakukan. Jika mereka membina sebuah masyarakat dan negara berdasarkan perintah Allah SubhanaHu wa Ta’ala, maka manfaatnya akan mereka kecapi. Sebaliknya, jika mereka membina negara dengan tidak mahu melaksanakan perintah Allah SubhanaHu wa Ta’ala, mereka akan menerima mudarat dan kerosakan di atas muka bumi ini, seperti wabak penyakit, krisis ekonomi, keruntuhan tamadun, gempa bumi, perpecahan dan sebagainya.

‘Abd Allah bin ‘Umar melaporkan, “Pada suatu hari, Rasulullah ﷺ bertemu dengan kami, lalu bersabda, “Wahai sekalian orang Muhajirin. Ada lima perkara saudara sekalian akan diuji dengannya dan saya memohon perlindungan daripada Allah SubhanaHu wa Ta’ala agar saudara tidak bertemu dengannya. Jika maksiat dilakukan secara terang-terangan dalam sesebuah masyarakat, maka akan merebak dalam kalangan mereka penyakit taun dan penyakit lain yang tidak pernah wujud dalam masyarakat sebelum mereka. Jika sesebuah masyarakat menipu timbangan dan sukatan, maka ekonomi mereka akan terganggu selama beberapa tahun, hidup mereka susah dan mereka akan dizalimi oleh pemimpin mereka. Jika sesebuah masyarakat enggan membayar zakat harta mereka, maka akan disekat hujan dari langit. Jika tiada binatang ternakan, sudah pasti setitis air hujan pun tidak akan turun. Jika sesebuah masyarakat melanggar perjanjian dengan Allah SubhanaHu wa Ta’ala dan rasulNya, maka Allah SubhanaHu wa Ta’ala akan menjadikan mereka dikuasai oleh musuh

yang bukan daripada kalangan mereka yang akan merampas segala apa yang mereka miliki. Jika pemimpin sesebuah masyarakat tidak menghukum berdasarkan Kitab Allah SubhanaHu wa Ta’ala (al-Qur’an) dan memilih-milih hukum tertentu sahaja yang telah diturunkan oleh Allah SubhanaHu wa Ta’ala untuk dilaksanakan, maka Allah SubhanaHu wa Ta’ala akan menjadikan mereka hidup dalam kesusahan.” Hadis Hasan riwayat Ibnu Majah (t.th.: 2/1332)

Konsep akauntabiliti urus tadbir menurut al-Qur'an juga merujuk kepada pertanggungjawaban seorang pemimpin dan rakyat di hari akhirat. Segala keputusan yang diterima dalam penghakiman Allah SubhanaHu wa Ta’ala di padang mahsyar kelak; sama ada dimasukkan ke dalam syurga atau neraka, merujuk kepada apa yang dilakukan ketika hidup di dunia ini (Surah al-Tur 52:21).

Allah SubhanaHu wa Ta’ala menggambarkan rintihan ‘pengikut’ ahli neraka di hari akhirat kelak terhadap ‘pemimpinnya’ dalam firman-Nya: “Pada masa muka mereka dibalik-balikkan dalam neraka, mereka berkata (dengan sesalnya), “Alangkah baiknya kalau kami dahulu (semasa di dunia) taat kepada Allah serta taat kepada utusan Allah.” Dan mereka berkata lagi, “Wahai Tuhan kami, sesungguhnya kami telah mematuhi kehendak ketua dan orang besar kami, lalu mereka menyesatkan kami daripada jalan yang benar. Wahai Tuhan kami, berilah mereka azab sengsara dua kali ganda dan lantarkanlah mereka dengan lantaran yang sebesar-besarnya!” (Surah al-'Ahzab 33:66-68)

Ayat ini secara jelas menunjukkan konsep akauntabiliti di hari akhirat. Di mana rakyat akan menuntut di hadapan Allah SubhanaHu wa Ta’ala agar menggandakan hukuman terhadap pemimpin yang merosakkan dan menyesatkan mereka (Al-Khalidi, 1996: 122). Iaitu, pemimpin yang enggan melaksanakan perintah Allah SubhanaHu wa Ta’ala dan rasulNya serta memerintah dengan berpandukan nafsu dan kehendak yang berlawanan dengan al-Qur'an dan sunnah. Rakyat yang menyokong pemimpin seperti itu, akan dipertanggungjawabkan di hari akhirat. Ini disebabkan mereka melanggar perintah Allah SubhanaHu wa Ta’ala: “Dan janganlah kamu cenderung kepada orang yang berlaku zalim, maka (kalau kamu berlaku demikian), api neraka akan membakar kamu, sedang kamu tidak ada sebarang penolong pun yang lain dari Allah. Kemudian (dengan sebab kecenderungan kamu itu) kamu tidak akan mendapat pertolongan.” (Surah Hud 11: 113)

Maka akibat menyokong pemimpin yang zalim itu, maka rakyat tersebut dipertanggungjawabkan atas perbuatannya sendiri. Mereka akan dihumban ke dalam api neraka. Ini kerana, pemimpin yang zalim itu bertanggungjawab terhadap rakyatnya dan Allah SubhanaHu wa Ta’ala, manakala rakyat yang telah menerima akibatnya menuntut kepada Allah SubhanaHu wa Ta’ala agar pemimpin mereka diazab dua kali ganda di dalam neraka.

Kesimpulannya, konsep akauntabiliti politik menurut al-Qur'an merujuk kepada kebertanggungjawaban penggubal dan pelaksana dasar melaksanakan amanah Allah SubhanaHu wa Ta’ala dan amanah rakyat dalam sesebuah negara Islam. Tanggungjawab kerajaan terhadap amanah Allah SubhanaHu wa Ta’ala ialah melaksanakan segala perintahNya. Pemimpin yang menjaga amanah Allah SubhanaHu wa Ta’ala mempunyai sifat mulia yang turut sama dimiliki oleh para malaikat dan para rasul. Pemimpin seperti itu adalah pemimpin yang terpuji dan mulia. Manakala pemimpin yang mengkhianati amanah Allah SubhanaHu wa Ta’ala boleh dihukum oleh rakyat ketika hidup di dunia; kemudian, akan menerima hukuman Allah di akhirat kelak.

3.2 Ketelusan

Ketelusan dalam urus tadbir bermaksud, “Masyarakat umum mengetahui dasar kerajaan dan percaya kepada niat kerajaan dalam melaksanakan dasar tersebut. Ia terlaksana melalui sifat bertanggungjawab kerajaan, menyediakan ruang bagi penyertaan awam dalam menggubal dasar kerajaan dan pelaksanaannya, serta membenarkan bantahan dilakukan oleh masyarakat awam dalam perkara yang boleh memberikan kesan negatif terhadap kehidupan mereka.” (Agere, 2000: 7-8)

Konsep ketelusan dalam al-Qur'an merujuk kepada konsep *al-syura*³. Syura dalam sains politik Islam merujuk kepada “Mengetahui pendapat umum atau wakilnya, berkaitan isu yang menyentuh kepentingan umum atau kelompok tertentu, dengan syarat tidak berlawanan dengan nas syarak yang bersifat *qat'i*; sama ada *qat'i thubut* atau *qat'i dilalah* dan juga tidak berlawanan dengan isu yang sudah disepakati (*ijma'*).” (Farj, 1996: 12)

Allah SubhanaHu wa Ta'ala mengarahkan kepada Nabi Muhammad ﷺ; Ketua Negara Islam Madinah agar bermesyuarat dalam membuat sesuatu keputusan. Firman Allah SubhanaHu wa Ta'ala: “Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-ruah) daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), kamu telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (para sahabat dan pengikutmu), dan jika kamu bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila kamu telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu), maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakal kepadaNya.” (Surah Ali ‘Imran 3: 159)

Dalam ayat tersebut, Allah SubhanaHu wa Ta'ala mengarahkan Nabi Muhammad ﷺ yang merupakan seorang Rasul dan Ketua Negara Islam Madinah, bermesyuarat dengan rakyat dengan firman-Nya yang bermaksud, “Dan juga bermesyuaratlah dengan mereka”. Para ulamak tafsir berbeza pendapat dalam menjelaskan maksud ayat ini. Pendapat pertama mengatakan, Allah SubhanaHu wa Ta'ala mengarahkan Nabi Muhammad ﷺ bermesyuarat dengan para sahabat berkaitan dengan soal taktik peperangan agar mereka berpuas hati dengan keputusan yang bakal diambil. Di samping itu, ia melembutkan hati mereka melaksanakan perintah agama untuk berjihad. Selain itu mereka akan merasa kebersamaan dalam membuat sesuatu keputusan. Walaupun secara zahirnya, Nabi Muhammad ﷺ boleh membuat keputusan sendiri berpandukan wahyu Ilahi. Pendapat ini dikemukakan oleh Qatadah, al-Rabi' dan Ibnu Ishaq (al-Tobari, 1992: 3/495-496).

Manakala al-Dahhaq dan al-Hasan berpendapat, Allah SubhanaHu wa Ta'ala mengarahkan Nabi Muhammad ﷺ agar bermesyuarat dengan para sahabat kerana ia mempunyai banyak kelebihan, iaitu bagi menjelaskan sesuatu idea dan cara terbaik dalam tadbir urus. Golongan ketiga pula berpendapat, Allah SubhanaHu wa Ta'ala mengarahkan Nabi Muhammad ﷺ bermesyuarat dengan para sahabat agar umat Islam selepas kewafatan

³ Perkataan *al-shura* dalam al-Qur'an hanya disebut sebanyak 3 kali; sekali dengan perkataan *shawirhum* (berbicanglah dengan mereka), sekali dengan perkataan *shura* (mesyuarat) dan sekali dengan perkataan *tashawur* (saling berbincang) - Lihat: ‘Abd al-Baqi, *al-Mu’jam al-mufahras*, hlm. 496.

baginda dapat mencontohi kaedah tersebut dalam menyelesaikan sesuatu isu; sama ada berkaitan dengan agama atau kehidupan seharian. Pendapat ini dikemukakan oleh Sufyan bin ‘Uyainah (al-Tobari, 1992: 3/496-497).

Al-Razi (1994: 5/68-69) menjelaskan, mesyuarat atau perbincangan yang diarahkan oleh Allah SubhanaHu wa Ta’ala kepada Nabi Muhammad ﷺ adalah bertujuan untuk mengenalpasti pendapat yang benar dan pendapat yang salah. Selanjutnya beliau menjelaskan, antara faedah Allah SubhanaHu wa Ta’ala mengarahkan Nabi Muhammad ﷺ bermesyuarat dengan para sahabat ialah:

- 1) Akan menaikkan *self esteem* mereka. Para sahabat akan merasakan kedudukan mereka dihormati oleh Rasulullah ﷺ. Ini akan meningkatkan lagi kecintaan mereka terhadap Rasulullah ﷺ dan kualiti ket�aan kepada Allah SubhanaHu wa Ta’ala dan rasulNya. Jika mesyuarat seperti ini tidak dilakukan, para sahabat akan merasakan diri mereka tidak dihargai dan akhlak yang buruk akan timbul seperti bersangka buruk dan sebagainya.
- 2) Walaupun Rasulullah ﷺ mempunyai kecerdasan minda yang luar biasa, namun Allah SubhanaHu wa Ta’ala hendak menjelaskan bahawa ilmu makhluk tetap terbatas. Seseorang manusia tidak akan mampu memikirkan semua perkara yang boleh mendatangkan maslahah dalam kehidupannya. Mungkin seorang manusia boleh memikirkan tentang sesuatu yang boleh mendatangkan maslahah dalam kehidupannya, namun manusia yang lain tidak dapat melihatnya.
- 3) Agar perbuatan melakukan mesyuarat dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan menjadi sunnah dan diamalkan oleh umat Islam.
- 4) Ayat ini diturunkan selepas berlakunya peperangan Uhud. Sebelum peperangan tercetus, baginda telah bermesyuarat dengan para sahabat; sama ada hendak berperang dalam kawasan kota Madinah ataupun di luarnya. Nabi Muhammad ﷺ berpendapat agar ianya berlaku dalam kawasan kota Madinah, tetapi beberapa orang sahabat mencadangkan agar dilakukan di luar kawasan kota Madinah. Akhirnya, baginda bersetuju mempertahankan di luar kawasan. Dalam peperangan Uhud, tentera Islam mengalami kekalahan apabila ada dalam kalangan tentera memanah meninggalkan tempat mereka. Selepas itu, jika Nabi Muhammad ﷺ enggan bermesyuarat dengan para sahabat, maka akan timbul fitnah bahawa baginda tidak berpuas hati dengan keputusan mempertahankan kota Madinah di luar kawasan, iaitu di kawasan bukit Uhud.
- 5) Nabi Muhammad ﷺ melakukan mesyuarat dengan para sahabat bukan semata-mata kerana ingin mengetahui pandangan dan ilmu mereka. Bahkan yang lebih penting dari itu, ialah untuk mengetahui tahap kecerdasan minda dan kefahaman mereka terhadap sesuatu isu. Juga, bagi mengenalpasti tahap kecintaan mereka kepada Rasulullah ﷺ serta keikhlasan mentaati baginda. Justeru, baginda dapat mengenalpasti siapa dalam kalangan mereka yang terbaik.
- 6) Bagi melahirkan kefahaman tentang pentingnya kesepakatan dalam menyelesaikan sesuatu isu. Iaitu setiap orang sudah pasti berusaha mengemukakan pendapat bagi mencari penyelesaian terbaik.

- 7) Allah SubhanaHu wa Ta'ala mengarahkan Nabi Muhammad ﷺ bermesyuarat dengan para sahabat bagi menjelaskan bahawa mereka mempunyai kedudukan dan nilai yang istimewa di sisi Allah.
- 8) Kesan daripada keputusan mesyuarat tidak menyalahkan pihak tertentu. Dalam peperangan Uhud, walaupun cadangan sekumpulan sahabat supaya mempertahankan diri di luar kawasan kota Madinah telah menemui kegagalan, namun Allah SubhanaHu wa Ta'ala menurunkan ayat ini bagi menjelaskan bahawa pendapat mereka masih lagi diperlukan dalam menyelesaikan isu yang lain. Mereka tidak dipertanggungjawabkan atas kekalahan tersebut. Bahkan, Allah SubhanaHu wa Ta'ala meninggikan lagi kedudukan mereka kerana keikhlasan dan ketaatan mereka kepada Allah SubhanaHu wa Ta'ala dan rasulNya.

Kesimpulannya, al-Qur'an menjelaskan bahawa konsep ketelusan dalam urus tadbir merujuk kepada konsep syura, di mana para pemimpin pada setiap peringkat perlu memberi ruang kepada rakyat untuk mengemukakan pandangan dalam sesuatu urusan, agar mereka tahu dasar yang akan dilaksanakan oleh kerajaan dan boleh mengemukakan komentar terhadapnya.

3.3 Keadilan

Antara nilai *good governance* yang terkandung dalam al-Qur'an adalah keadilan. Keadilan dalam *good governance* secara umumnya merujuk kepada pelaksanaan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah SubhanaHu wa Ta'ala dalam al-Qur'an dan sunnah Nabi Muhammad ﷺ (Al-Zuhaili, 1989: 6/717). Proses kepimpinan memerlukan ijtihad para pemimpin memastikan agar kehendak dan ketetapan Allah SubhanaHu wa Ta'ala dapat dilaksanakan dalam setiap isu dan keadaan. Segala peraturan, undang-undang, dasar, dan polisi yang hendak digubal serta diperaktik dalam negara, mestilah berasaskan al-Qur'an dan sunnah.

Konsep keadilan dalam al-Qur'an merujuk kepada dua istilah yang digunakan iaitu '*adl*⁴ dan *qist*⁵. Allah SubhanaHu wa Ta'ala yang mewajibkan setiap manusia agar berlaku adil, menjelaskan bahawa Dia adalah Tuhan yang maha adil. Segala hukum yang ditetapkan untuk hamba-hambaNya dalam al-Qur'an adalah hukum yang adil serta janjiNya kepada para makhlukNya juga adalah benar dan berteraskan keadilan (al-Tobari, 1992: 5/318; al-Razi, 1994: 7/169-170). Firman-Nya: "Dan telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (al-Qur'an, meliputi hukum-hukum dan janji-janjiNya) dengan benar dan adil; tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun daripada kalimah-kalimah-Nya, dan Dia lah yang sentiasa mendengar, lagi sentiasa mengetahui." (Surah al-'An'am 6:115)

⁴ Perkataan '*adl*' yang merujuk kepada perlakuan adil yang dituntut oleh Allah SubhanaHu wa Ta'ala agar dilaksanakan diulang sebanyak 16 kali; 9 kali menggunakan perkataan '*adl*' (adil), sekali dengan perkataan *li a'dila* (agar saya berlaku adil), *ta'dilu* (kamu semua berlaku adil) 4 kali dan *i'dilu* (hendaklah kamu semua berlaku adil) 2 kali - Lihat: 'Abd al-Baqi, *al-Mu'jam al-mufahras*, hlm. 569-570.

⁵ Istilah *qist* dalam al-Qur'an diulang sebanyak 25 kali; 15 kali menggunakan perkataan *al-qist* (adil), *tugqisitu* (kamu berlaku adil) 2 kali, *aqsitu* (hendaklah kamu semua berlaku adil) 1 kali, *al-qasitun* (manusia yang adil) 2 kali, *muqsitin* (manusia yang adil) 3 kali dan *aqsatu* (lebih adil) 2 kali - Lihat: 'Abd al-Baqi, *al-Mu'jam al-mufahras*, hlm. 691-692.

Qatada menjelaskan, benar yang dimaksudkan dalam ayat tersebut merujuk kepada benarnya firman Allah SubhanaHu wa Ta'ala dalam al-Qur'an. Manakala adil pula merujuk kepada adilnya hukum yang ditetapkan dalam al-Qur'an. Setiap apa yang diberitahu oleh Allah SubhanaHu wa Ta'ala dalam al-Qur'an adalah benar; tiada keraguan padanya. Begitu juga setiap apa yang disuruh oleh Allah SubhanaHu wa Ta'ala dalam al-Qur'an adalah adil, tiada yang adil selain hukum yang terkandung dalam al-Qur'an. Segala apa yang Allah SubhanaHu wa Ta'ala larang, maka ia adalah batil kerana mengandungi kerosakan (Ibnu Kathir, 1995: 3/278).

Sebaliknya, Allah SubhanaHu wa Ta'ala mengharamkan perbuatan zalim. Abu Dhar, nama sebenarnya Jundub bin Junadah melaporkan, Nabi Muhammad ﷺ bersabda, "Allah SubhanaHu wa Ta'ala yang maha banyak kebaikan dan maha tinggi berfirman, 'Wahai hamba-hambaKu, Aku tidak benarkan sifat zalim kepada diriKu sendiri, dan Aku juga putuskan supaya ia tidak dibenarkan dilakukan sesama kamu. Oleh itu, jangan kamu saling menzalimi..." Hadis direkod oleh Muslim (Al-Nawawi, 1414H: 16/102).

Konsep adil yang terkandung dalam *good governance* menurut Islam, merujuk kepada keadilan pada setiap peringkat; individu, keluarga, masyarakat dan negara. Pentadbiran Negara Islam merujuk kepada kewujudan asas keadilan pada setiap peringkat tersebut. Bermula daripada individu yang berlaku adil dalam setiap tingkah lakunya, ahli keluarga yang bersikap adil, anggota masyarakat yang memperjuangkan keadilan dan akhirnya melahirkan seorang pemimpin negara yang bersikap adil dalam pentadbirannya. Jika keadilan tidak wujud dalam salah satu peringkat tersebut, maka keadilan yang diwajibkan oleh Allah SubhanaHu wa Ta'ala dalam al-Qur'an tidak dapat wujud dengan sempurna dalam sesebuah negara.

Allah SubhanaHu wa Ta'ala mengarahkan kepada manusia agar melaksanakan keadilan dalam urusan yang melibatkan anggota masyarakat. Allah SubhanaHu wa Ta'ala mengarahkan kepada setiap individu beriman, apabila ingin memberikan penyaksian bagi sesuatu kes, maka hendaklah ia berlaku adil walaupun terpaksa mengatakan sesuatu yang boleh merugikan diri sendiri, ibu bapa atau keluarga terdekat (Al-Qur'an, Surah al-Nisa' 4:135).

Al-Tobari menjelaskan, jika kamu menjadi saksi; sama ada untuk diri kamu sendiri, atau untuk kedua ibu bapa kamu atau ahli keluarga kamu, maka hendaklah kamu menjadi saksi yang adil. Kamu hendaklah mengatakan perkara yang benar. Janganlah kesaksian kamu itu terpengaruh dengan kecenderungan kamu terhadap kekayaan seseorang. Jangan kamu menyokong orang kaya kerana kekayaannya. Dan jangan pula kamu tidak menyokong orang miskin kerana kemiskinannya. Sehingga kamu berlaku zalim terhadap mereka. Sesungguhnya Allah SubhanaHu wa Ta'ala menetapkan hukum yang sama rata antara orang kaya dan miskin. Janganlah kamu mengikut hawa nafsu kamu sehingga kamu berlaku zalim kepada sesama manusia (1992: 4/319-320).

Selanjutnya Allah SubhanaHu wa Ta'ala mengarahkan orang beriman agar sentiasa berlaku adil walaupun terhadap musuhnya sendiri. Lantas, Allah SubhanaHu wa Ta'ala menghubungkan keadilan dengan ketakwaan kepadaNya. Firman Allah SubhanaHu wa Ta'ala: "Wahai orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi daripada kalangan mereka yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran. Dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa ju) kerana sikap adil itu

lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah maha mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan.” (Surah al-Ma’idah 5: 8)

Ayat ini menegaskan, keadilan yang perlu dijalankan sesama manusia mestilah berteraskan keikhlasan kepada Allah SubhanaHu wa Ta’ala sebagaimana firman-Nya, “Hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang yang menegakkan keadilan kerana Allah”. Melaksanakan keadilan bukanlah untuk dipuji oleh manusia atau bagi mendapatkan nama yang baik (Ibnu Kathir, 1995: 3/52).

Allah SubhanaHu wa Ta’ala mewajibkan setiap orang beriman supaya bersikap adil dalam urusan yang berkaitan dengan masyarakat. Antaranya, menjadi saksi bagi transaksi hutang (Al-Qur'an, Surah al-Baqarah 2:282), menjadi orang tengah bagi kes orang sedang dalam ihram membunuh binatang buruan (Al-Qur'an, Surah al-Ma’idah 5:95), menjadi saksi wasiat (Al-Qur'an, Surah al-Ma’idah 5:106), menjadi pendamai antara dua orang atau kelompok yang bertelingkah (Al-Qur'an, Surah al-Hujurat 49:9), menjadi saksi bagi kes suami merujuk isteri yang telah diceraikan (Al-Qur'an, Surah al-Talaq 65:2), ketika melakukan sukatan atau timbangan (Al-Qur'an, Surah al-An'am 6:152; Hud 11:85; al-Rahman 55:9), dan menguruskan harta anak yatim (Al-Qur'an, Surah al-Nisa' 4:127).

Sikap adil orang beriman bukan dituntut untuk dilakukan kepada sesama orang Islam sahaja, bahkan Allah SubhanaHu wa Ta’ala menyuruh orang beriman berlaku adil kepada semua manusia; muslim atau bukan muslim (Qutub, 1994: 2/689). Firman Allah SubhanaHu wa Ta’ala dalam *Surah al-Mumtahanah* ayat 8 yang bermaksud: “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.”

Ini menunjukkan Islam memperjuangkan keadilan sejagat tanpa mengira agama atau kaum. Selagi mana orang bukan Islam tidak memerangi umat Islam, maka selagi itu umat Islam perlu melayan mereka secara adil (al-Tobari, 1992: 12/63). Al-Zuhaili menjelaskan, ayat tersebut menerangkan bahawa Allah SubhanaHu wa Ta’ala tidak melarang orang Islam melayan orang bukan Islam dengan layanan yang baik, selagi mana orang bukan Islam itu tidak memerangi Islam dan umatnya. Contoh layanan baik adalah menyambung silaturrahim dengan sanak saudara yang masih belum beragama Islam, melayan jiran atau tetamu yang bukan muslim. Begitu juga, orang Islam perlu berlaku adil dengan mereka seperti memenuhi hak mereka, melaksanakan janji yang dimeterai dengan mereka, dan melaksanakan amanah yang mereka berikan. Sesungguhnya Allah SubhanaHu wa Ta’ala mencintai serta meredai orang yang berlaku adil dan membenci orang yang zalim (Al-Zuhaili, 1991: 28/135).

Allah SubhanaHu wa Ta’ala mengancam manusia yang membenci orang yang berlaku adil. Sesiapa yang membenci dan memusuhi hamba Allah SubhanaHu wa Ta’ala yang adil, maka orang itu akan diazab oleh Allah SubhanaHu wa Ta’ala. Firman Allah SubhanaHu wa Ta’ala dalam *Surah Ali ‘Imran* ayat 21 yang bermaksud: “Sesungguhnya orang yang kufur ingkar akan ayat keterangan Allah dan membunuh Nabi-nabi dengan jalan yang tidak benar, serta membunuh orang yang menyeru manusia supaya berlaku adil, maka sampaikanlah berita yang menggembirakan mereka, dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

Selanjutnya, konsep keadilan tidak akan menjadi sempurna jika tidak melibatkan institusi politik dan kepimpinan. Oleh itu, al-Qur'an menegaskan perintah Allah SubhanaHu wa Ta’ala kepada semua pemimpin agar berlaku adil. Al-Razi menjelaskan, para ulamak sepakat (*ijma’*) bahawa sesiapa yang dilantik menjadi pemimpin, maka beliau wajib berlaku

adil (Al-Razi, 1994: 5/146). Firman Allah SubhanaHu wa Ta'ala: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya). Dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhanNya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat." (Surah al-Nisa' 4:58)

Adil yang dimaksudkan dalam ayat tersebut adalah dengan merujuk kepada hukum yang benar iaitu yang terkandung dalam al-Qur'an dan sunnah Nabi Muhammad ﷺ (al-Tobari, 1992: 4/587; Ibnu Kathir, 1995: 3/100; al-Zuhaili, 1991: 6/197). Imam al-Shafi'i menjelaskan, adil bermaksud mentaati Allah SubhanaHu wa Ta'ala, sesiapa yang melakukan perkara yang diarah oleh Allah SubhanaHu wa Ta'ala, maka dia seorang yang adil. Sebaliknya, seseorang yang melakukan perkara yang dilarang oleh Allah SubhanaHu wa Ta'ala, maka dia seorang yang tidak adil (Al-Syafi'i, 2005: 114, 125).

Good governance menurut Islam berkaitan dengan keadilan pemimpin merujuk kepada tiga aspek penting: peribadi pemimpin yang adil, tindakan pemimpin yang adil dan persekitaran kepimpinan yang adil. Aspek pertama keadilan dalam *good governance* menurut Islam adalah hanya individu yang adil layak dilantik menjadi pemimpin. Maksud adil secara keperibadian ialah seseorang yang layak dilantik menjadi pemimpin mestilah seorang yang komited kepada kewajipan yang ditetapkan oleh Allah SubhanaHu wa Ta'ala, meninggalkan segala laranganNya serta berakhhlak mulia. Pemimpin mestilah seorang yang amanah, tidak melakukan dosa besar, tidak berterusan melakukan dosa kecil, boleh mengawal diri sama ada ketika tenang atau marah, dan menjaga maruah diri (al-Zuhaili, 1989: 6/694).

Menurut sains politik Islam, pemimpin yang hilang keadilannya iaitu menjadi fasik boleh dilucutkan jawatannya. Seseorang pemimpin menjadi fasik dan hilang kelayakan meneruskan kepimpinannya apabila beliau keluar daripada Islam, melakukan dosa besar, berterusan melakukan perkara maksiat dan mungkar, atau mengikut hawa nafsu sehingga menzalimi rakyat (al-Zuhaili, 1989: 6/702).

Aspek kedua *good governance* berkaitan keadilan adalah, pemimpin wajib berlaku adil kepada rakyatnya. Al-Zuhaili menjelaskan, keadilan yang dituntut agar setiap pemimpin melaksanakannya merujuk kepada dua perkara (1989: 6/701):

- 1) Melaksanakan hukum yang ditetapkan oleh Allah SubhanaHu wa Ta'ala bagi menyelesaikan pertikaian antara pihak yang berbalah dengan tidak berat sebelah kepada mana-mana pihak.
- 2) Melaksanakan hukum Allah SubhanaHu wa Ta'ala bagi menyekat segala perkara yang diharamkan oleh Allah daripada berlaku serta menjaga hak setiap hamba Allah agar tidak terabai.

Selanjutnya, di samping pemimpin mestilah seorang yang adil, bertindak adil kepada rakyat, aspek ketiga *good governance* adalah persekitaran kepimpinan juga perlu adil. Ia bermaksud, kepimpinan mestilah berteraskan panduan al-Qur'an dan sunnah. Keadilan hanya akan tertegak dalam sebuah Negara Islam, apabila al-Qur'an dan sunnah didaulatkan dalam negara tersebut. Allah SubhanaHu wa Ta'ala menjelaskan bahawa hanya dengan menjadikan Kitab Allah SubhanaHu wa Ta'ala sebagai perlembagaan negara, keadilan dalam sebuah negara dapat dilaksanakan. Firman Allah SubhanaHu wa Ta'ala dalam *Surah al-Hadid* ayat

25 yang bermaksud: “Demi sesungguhnya! Kami telah mengutus Rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mukjizat yang jelas nyata. Dan Kami telah menurunkan bersama-sama mereka Kitab suci dan keterangan yang menjadi neraca keadilan, supaya manusia dapat menjalankan keadilan...”

Kesimpulannya, dalam sesebuah institusi politik, pemimpin hendaklah berlaku adil kepada semua rakyatnya. Kedudukan pemimpin yang adil amat mulia dan istimewa di sisi Allah SubhanaHu wa Ta’ala. Abu Hurairah melaporkan, bahawa Nabi Muhammad ﷺ telah bersabda, “Ada tujuh kategori manusia yang mendapat naungan Allah SubhanaHu wa Ta’ala pada hari kiamat. Mereka adalah pemimpin yang adil...” Hadis direkod oleh Bukhari dan Muslim (Ibnu Hajar, 1993: 14/69-70).

‘Abd Allah bin ‘Amr bin ‘As melaporkan dengan katanya, “Rasulullah ﷺ telah bersabda: ‘Percayalah! Di sisi Allah SubhanaHu wa Ta’ala, orang yang melaksanakan keadilan akan ditempatkan di beberapa mimbar yang diperbuat daripada cahaya. Mereka itu ialah orang yang adil apabila menetapkan hukum, adil kepada ahli keluarga dan adil dalam segala hal yang menjadi tanggungjawab mereka untuk menguruskannya.’” Hadis direkod oleh Muslim (Al-Nawawi, 1414H: 12/527).

3.4 Integriti

Al-Qur'an menjelaskan bahawa integriti perlu wujud dalam urus tadbir, khususnya yang berkaitan dengan pengurusan harta dan aset. Dasar umum yang digariskan oleh al-Qur'an ialah, setiap orang yang hendak mendapatkan sesuatu harta, mestilah dengan cara yang diizinkan oleh syarak. Firman Allah SubhanaHu wa Ta’ala: “Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara kamu. Dan janganlah kamu berbunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa mengasihani kamu.” (Surah al-Nisa' 4:29)

Antara isu utama yang dibicarakan berkaitan dengan *good governance* ialah memerangi rasuah. Menurut Islam, memberi dan menerima rasuah merupakan satu jenayah. Firman Allah SubhanaHu wa Ta’ala: “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).” (Surah al-Baqarah 2:188)

Ayat ini menjelaskan tentang bentuk rasuah yang diharamkan oleh Allah SubhanaHu wa Ta’ala iaitu seseorang yang bertelingkah memberikan sesuatu pemberian kepada Hakim agar Hakim menyerahkan barang yang diperselisihkan itu kepadanya sedangkan si pemberi itu mengetahui bahawa dia memang tidak berhak memiliki barang itu (al-Razi, 1994: 3/128; al-Zuhaili, 1989: 2/190; al-Zuhaili, 1991: 2/165).

‘Abd Allah bin ‘Amr melaporkan, “Rasulullah ﷺ melaknat orang yang memberi rasuah dan orang yang menerima rasuah.” Hadis direkod oleh Tirmidhi (Al-Mubarakfuri, 2004: 4/471). Al-Mubarakfuri menjelaskan maksud hadis ini, pemberi rasuah yang dilaknat

oleh Rasulullah ﷺ ialah orang yang memberi sesuatu yang bermanfaat kepada seseorang bagi menghilangkan sesuatu hak daripada empunyanya atau mendapatkan sesuatu secara batil yang bukan haknya. Manakala pemberian yang diberikan kepada pihak tertentu bagi menuntut hak yang benar atau bagi mengelakkan diri daripada mudarat atau kezaliman, maka orang itu tidak dianggap sebagai pemberi rasuah. Diriwayatkan bahawa ‘Abd Allah bin Mas‘ud pernah membayar dua dinar bagi menyelesaikan masalah tanah miliknya di Habsyah. Manakala penerima rasuah yang dilaknat oleh Rasulullah ﷺ adalah orang yang menerima sesuatu manfaat daripada seseorang bagi menghilangkan sesuatu hak daripada empunyanya atau mendapatkan sesuatu secara batil yang bukan hak pemberi rasuah. Jika pemberi manfaat memang berhak terhadap apa yang dituntut dan penerima adalah orang yang mempunyai bidang kuasa bagi mengesahkan hak tersebut, maka penerima dikategori sebagai penerima rasuah yang dilaknat, manakala pemberi tidak dilaknat (Al-Mubarafuri, 2004: 4/471).

Isu tersebut termasuk dalam kategori larangan pekerja menerima hadiah sebagai tambahan daripada upah yang selayaknya. Abu Humaid atau namanya yang sebenar adalah ‘Abd al-Rahman bin Sa‘ad al-Sa‘idi, berkata, “Nabi Muhammad melantik seorang lelaki daripada keturunan Azad, bertugas mengutip zakat di suatu daerah. Nama lelaki itu Ibn Lutbiah. Dia kemudian pulang, lalu berkata, ‘Yang ini untuk tuan, yang ini dihadiahkan kepada saya.’ Nabi Muhammad bangun berdiri lalu naik ke atas mimbar, membaca *alhamdulillah*, memuji Tuhan lalu berkata, ‘Saya melantik salah seorang daripada saudara-saudara sekalian bagi melaksanakan suatu tugas antara begitu banyak tugas-tugas yang diperintahkan oleh Allah SubhanaHu wa Ta’ala kepada saya. Orang itu sudah pulang dan berkata, ‘Yang ini untuk tuan dan yang ini dihadiahkan kepada saya.’ Adakah sekiranya dia duduk sahaja di rumah ayah ataupun ibunya, dia akan menerima hadiah jika dia berkata benar! Demi Tuhan, apa-apa sahaja yang saudara ambil tanpa berdasarkan hak, pada hari kiamat nanti, saudara membawa barang itu menemui Allah SubhanaHu wa Ta’ala. Percayalah, saya tidak kenal sesiapa daripada kalangan saudara-saudara, yang menemui Allah SubhanaHu wa Ta’ala dengan membawa seekor unta sambil menguak ataupun membawa seekor lembu sambil menguak ataupun seekor kambing sambil mengembek.’ Kemudian Nabi Muhammad mengangkat kedua-dua belah tangannya sehingga kelihatan putihnya kedua-dua belah ketiak beliau. Kemudian beliau berkata, ‘Ya Allah, bukankah saya sudah sampaikan perkara ini.” Hadis direkod oleh Bukhari dan Muslim (Al-Nawawi, 1414H: 12/534).

Al-Nawawi menjelaskan, berdasarkan hadis tersebut hukum seseorang pekerja menerima hadiah tambahan daripada upah yang selayaknya adalah haram. Ia termasuk dalam kategori rasuah kerana dia mengkhianati tugas dan amanah yang diberikan kepadanya (1414H: 12/534). Difahami daripada hadis tersebut, hadiah atau manfaat yang diterima kerana jawatan yang disandang, maka ia termasuk dalam kategori rasuah. Ini berpandukan sabda Nabi Muhammad ﷺ, “Adakah sekiranya dia duduk sahaja di rumah ayah ataupun ibunya, dia akan menerima hadiah jika dia berkata benar!” Maksudnya, jika pegawai itu tidak menyandang jawatan tersebut, adakah dia akan diberikan hadiah tersebut. Ini bermakna hadiah itu diberikan kerana jawatan yang disandang bagi mendapatkan sesuatu manfaat daripada hubungan baik dengan pegawai tersebut. Amalan ini juga termasuk dalam kategori pecah amanah.

Islam mempunyai formula yang tuntas bagi melahirkan pemimpin yang berintegriti. Ia merujuk kepada dasar takwa yang dituntut agar dimiliki oleh setiap individu, sehingga Allah SubhanaHu wa Ta’ala menjadikan sifat takwa sebagai pembeza antara sesama manusia.

Manusia bertakwa adalah manusia yang paling mulia di sisi Allah SubhanaHu wa Ta’ala. Firman Allah SubhanaHu wa Ta’ala dalam *Surah Ali ‘Imran* ayat 102 yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah SubhanaHu wa Ta’ala dengan sebenar-benar takwa dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.”

Contoh pemimpin yang berintegriti adalah ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz. Saleh bin Kaisan; seorang ulamak besar Madinah iaitu guru kepada ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz, pernah mengisahkan peribadi ‘Umar masa kecil, “Saya belum pernah mendengar orang yang lebih hebat perasaan takutnya kepada Allah SubhanaHu wa Ta’ala melebihi ‘Umar.” Fatimah; isteri ‘Umar mengatakan suaminya selalu mengingati Allah SubhanaHu wa Ta’ala meskipun di tempat tidurnya, tubuhnya gementar seperti seekor burung pipit yang kesejukan kerana perasaan takutnya. Bahkan Fatimah sering berkata dalam hatinya, “Jangan-jangan esok hari, ketika semua orang bangun daripada tidur, mereka kehilangan khalifah mereka.” Sementara ‘Ali bin Zaid memberitahu, ‘Umar bin ‘Abd al-‘Aziz selalu ketakutan seakan-akan neraka itu diciptakan untuk dirinya sahaja (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2007: 2/ix).

3.5 Persamaan

Islam melihat semua manusia sama kerana semuanya berasal daripada Nabi Adam a.s. Faktor yang membezakan antara mereka hanyalah tahap ketakwaan kepada Allah SubhanaHu wa Ta’ala (Abu Faris, 1986: 40), sebagaimana firman-Nya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada golongan lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbilang bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenalan-kenalan (dan beramah mesra antara satu sama lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah SubhanaHu wa Ta’ala ialah orang yang lebih takwanya antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah SubhanaHu wa Ta’ala maha mengetahui, lagi maha mendalam pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).” (Surah al-Hujurat 49:13)

Jabir bin ‘Abd Allah meriwayatkan, “Rasulullah ﷺ menyampaikan khutbah perpisahan dengan sabdanya, “Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Tuhan kamu adalah Tuhan yang satu, bapa kamu adalah bapa yang satu (Adam). Tiada yang melebihkan antara seorang berbangsa Arab dengan seorang yang berbangsa selain Arab, tiada yang melebihkan antara seorang berbangsa selain Arab dengan seorang yang berbangsa Arab, tiada yang melebihkan antara seorang yang berkulit merah dengan seorang yang berkulit hitam, tiada yang melebihkan antara seorang yang berkulit hitam dengan seorang yang berkulit merah, melainkan tahap ketakwaannya. Sesungguhnya orang paling mulia di sisi Allah SubhanaHu wa Ta’ala adalah orang yang paling bertakwa dalam kalangan kamu. Adakah saya sudah menyampaikan ajaran agama ini kepada kamu semua?” Para sahabat menjawab, ‘Sudah, wahai Utusan Allah SubhanaHu wa Ta’ala.’ Sabda baginda lagi, ‘Hendaklah orang yang hadir di sini, menyampaikan perkara ini kepada yang tidak hadir.’ Hadis saih direkod oleh Imam Ahmad (2001: 38:474)

Allah SubhanaHu wa Ta’ala mencipta manusia; sama ada daripada kalangan raja atau rakyat jelata, pemimpin atau orang yang dipimpin, lelaki atau perempuan, berkulit putih atau hitam dengan rupa yang sama, iaitu lahir dalam keadaan tiada berpakaian dan tiada berkasut. Begitu juga kelak mereka akan dibangkitkan di hadapan Allah SubhanaHu wa Ta’ala, sama ketika mereka itu dilahirkan (Abu Faris, 1986: 40).

Atas dasar persamaan ini, maka *good governance* menurut al-Qur'an memberikan hak dan peluang yang sama rata untuk semua penduduk dunia; tanpa mengira bangsa, warna kulit, keyakinan atau pegangan politik. Dasar ini dipraktik oleh Nabi Muhammad ﷺ dalam pemerintahan baginda. Contohnya, pada suatu hari sahabat baginda; Abu Dhar al-Ghfari bertengkar dengan seorang hamba berkulit hitam. Lalu beliau menghina ibu hamba itu. Apabila Nabi Muhammad ﷺ mendapat tahu berita itu, baginda bersabda, "Wahai Abu Dhar! Adakah kamu menghina ibu lelaki itu? Sesungguhnya kamu ini seorang yang memiliki ciri orang jahiliyah. Seorang hamba itu adalah saudara kamu juga, yang Allah SubhanaHu wa Ta'ala jadikan dia di bawah jagaan kamu. Sesiapa yang berada di bawah jagaannya, maka hendaklah memberinya makan sebagaimana dia makan. Dia hendaklah memberikan pakaian sebagaimana pakaian yang dia pakai. Janganlah memberikannya pekerjaan yang tidak mampu dilakukannya. Jika kamu memberikan sesuatu tugas kepadanya, maka bantulah dia." Hadis direkod oleh Bukhari (Ibnu Hajar, 1993: 1/118-119). Walaupun Abu Dhar merupakan seorang sahabat rapat Nabi Muhammad ﷺ, tetapi baginda tetap menegur perlakuan Abu Dhar tersebut. Di samping itu, baginda memberikan garis panduan kepada seseorang majikan agar menjaga kepentingan para pekerjanya.

Abu Bakar; Ketua kerajaan Islam selepas Nabi Muhammad ﷺ mempraktikkan dasar persamaan ini dalam pemerintahannya. Beliau menegaskan dasar ini dalam ucapan pertamanya ketika menyandang jawatan Ketua Negara:

"Wahai manusia, meskipun saya telah dilantik untuk memimpin kamu, tidak bererti bahawa saya yang terbaik di antara kamu semua. Jika kamu melihat saya berada dalam kebenaran, maka tolonglah saya. Tetapi jika kamu melihat saya berada dalam kebatilan, maka luruskanlah tindakan saya. Patuhilah kepada saya selama saya taat mematuhi perintah Allah SubhanaHu wa Ta'ala. Jika saya telah derhaka kepada perintah Allah SubhanaHu wa Ta'ala, kamu semua tidak perlu lagi mematuhi perintah saya. Golongan yang kuat dalam kalangan saudara sekalian pada pandangan saya mereka golongan yang lemah sehingga saya menuntut hak daripada mereka. Manakala golongan yang lemah dalam kalangan saudara sekalian pada pandangan saya mereka golongan yang kuat sehingga saya menyerahkan hak kepada mereka." (Al-Qaradawi, 2009: 213; Abu Faris, 1986: 42-43)

Dasar ini juga dipraktik dalam pemerintahan 'Umar bin Khattab. Beliau pernah mengutus Abu Musa al-Ash'ari menjadi Gabenor di Kufah. 'Umar mengutus surat kepada Abu Musa, "Wahai Abu Musa. Sesungguhnya saudara adalah seorang manusia biasa seperti manusia yang lain. Tetapi Allah SubhanaHu wa Ta'ala telah menjadikan saudara manusia yang paling berat tanggungjawabnya apabila saudara dilantik menjadi Gabenor... Sesungguhnya sesiapa yang dilantik menjadi pemimpin kepada umat Islam, maka diwajibkan atasnya melaksanakan tugas seperti tugas seorang hamba kepada tuannya." (Abu Faris, 1986: 43)

'Ali bin Abu Talib pernah mengingatkan 'Umar bin Khattab semasa 'Umar memegang jawatan Ketua Negara, bahawa 'Umar adalah sama seperti manusia biasa yang lain, tiada beza antara Ketua Negara dan rakyat biasa. Tiada apa-apa keistimewaan yang membezakan antara Ketua Negara dan rakyat biasa. Dalam satu majlis, 'Umar berbincang dengan beberapa orang sahabat Nabi Muhammad ﷺ. 'Umar bertanya, "Apa pendapat

saudara sekalian, jika Ketua Negara melihat ada seorang wanita berzina?” ‘Ali menjawab, “Beliau wajib mendatangkan empat orang saksi. Jika beliau menuduh wanita itu berzina, sedangkan beliau tidak dapat mendatangkan empat orang saksi, beliau wajib dihukum dengan hukuman hudud *qadzaf*. Seorang Ketua Negara sama sahaja seperti rakyat biasa yang lain.” (Abu Faris, 1986: 43)

3.6 Kebebasan

Antara dasar *good governance* dalam sains politik Islam ialah mengiktiraf dan memelihara kebebasan asasi seorang manusia. Pemimpin Negara Islam wajib memberikan kebebasan kepada rakyat dalam persoalan agama, pemikiran, politik, dan kehidupan; dalam batasan yang telah ditetapkan oleh Syariat Islam. ‘Umar bin Khattab pernah mengingatkan kepada Gabenor yang dilantik iaitu ‘Amr bin al-‘As, “Kenapa pula perlunya kamu menjadikan rakyat kamu sebagai hamba yang tiada kebebasan, sedangkan mereka itu dilahirkan daripada ibu mereka dalam keadaan mereka bebas merdeka.” (Al-Zuhaili, 1989: 6/720)

Sebuah negara Islam memberi hak kebebasan kepada rakyat beragama Islam dan bukan Islam untuk menegakkan ajaran agama masing-masing. Allah SubhanaHu wa Ta’ala menyatakan orang bukan Islam bertanggungjawab dalam urusan agama mereka, manakala orang Islam bertanggungjawab dalam urusan agama Islam. Firman Allah SubhanaHu wa Ta’ala: “Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku.” (Surah al-Kafirun 109: 6)

Walau bagaimanapun, hak kebebasan beragama yang diberikan kepada orang bukan Islam itu perlulah dikawal dan dijaga agar jangan sampai menimbulkan perpecahan dan pertengkaran dalam kalangan rakyat yang menyebabkan berlakunya perselisihan dan pergaduhan antara kaum. Oleh itu, dasar politik Islam menentukan kebebasan yang perlu dilakukan supaya ia memberi kebaikan dan kebenaran untuk semua. Agama Islam adalah agama yang tertinggi dalam mengaturkan urusan negara. Justeru, ia memberi hak kebebasan agama lain untuk mengamalkan ajaran agama dan kebudayaan mereka selagi terjamin keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Selain itu, orang Islam juga mempunyai hak kebebasan untuk mengamalkan ajaran agama mereka serta berdakwah kepada orang bukan Islam dengan menerima konsep ajaran Islam tanpa ada paksaan. Dalam al-Qur'an, Allah SubhanaHu wa Ta’ala menyatakan tidak ada paksaan kepada orang bukan Islam untuk memasuki agama Islam. Firman Allah SubhanaHu wa Ta’ala: “Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan taghut dan dia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah maha mendengar, lagi maha mengetahui.” (Surah al-Baqarah, 2: 256)

Walau bagaimanapun, tanggungjawab pemerintah dan orang Islam ialah menyampaikan seruan dakwah kepada manusia agar mereka melakukan kebaikan dan menahan diri daripada melakukan kejahatan. Allah SubhanaHu wa Ta’ala menyatakan, tanggungjawab sesebuah masyarakat dan negara Islam itu ialah menyeru manusia ke arah kebaikan dan menjauhi kejahatan. Jika tanggungjawab ini diabaikan, maka mereka akan diazab di akhirat kelak. Firman Allah SubhanaHu wa Ta’ala: “Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam) dan

menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah daripada kalangan orang yang berjaya. Dan janganlah kamu menjadi seperti orang (Yahudi dan Nasrani) yang telah berceriberaian dan berselisihan (dalam agama mereka) sesudah datang kepada mereka keterangan yang jelas nyata (yang dibawa oleh para Utusan Allah), dan mereka yang bersifat demikian, akan beroleh azab seksa yang amat besar.” (Surah Ali ‘Imran 3: 104-105)

Al-Qur'an menjelaskan, antara sebab orang Yahudi dan Kristian terdahulu diazab oleh Allah SubhanaHu wa Ta'ala adalah kerana mereka meninggalkan tanggungjawab mengajak manusia melakukan kebaikan dan mencegah daripada melakukan kerosakan. Firman Allah SubhanaHu wa Ta'ala: “Orang kafir, Yahudi dari Bani Isra'il telah dilaknat (di dalam kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa ibn Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak menahan (sesama sendiri) daripada melakukan perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruk apa yang mereka telah lakukan.” (Surah al-Ma'idah 5: 78-79)

Hak kebebasan diberikan kepada orang Islam untuk melaksanakan tanggungjawab agama. Oleh itu, sekiranya mereka mengabaikan tanggungjawab tersebut, maka wajarlah dihukum mengikut apa yang ditentukan dalam undang-undang Islam. Tetapi kepada orang bukan Islam, mereka diberi hak kebebasan kepada ketua agama mereka untuk menghukum orang yang membuat kesalahan, termasuk pelaksanaan hukum hudud. Sekiranya ketua agama mereka tidak menghukum atas kesalahan yang telah dilakukan itu, maka undang-undang Islam dikuat kuasakan ke atas mereka, demi untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat.

Justeru, menjadi tanggungjawab pemerintah Islam untuk menjaga keamanan dan kesejahteraaan rakyat yang beragama Islam dan bukan Islam. Pemerintah Islam perlu mengadakan dialog antara agama untuk menyelesaikan permasalahan rakyat bukan Islam yang melakukan kesalahan. Ini perlu dilakukan untuk kebaikan secara Bersama (Al-Zuhaili, 1989: 6/721). Allah SubhanaHu wa Ta'ala berfirman: “Dan janganlah kamu berbahas dengan ahli Kitab melainkan dengan cara yang lebih baik, kecuali orang yang berlaku zalim antara mereka. Katakanlah (kepada mereka), “Kami beriman kepada (al-Qur'an) yang diturunkan kepada kami dan kepada (Taurat dan Injil) yang diturunkan kepada kamu; dan Tuhan kami, juga Tuhan kamu adalah satu; dan kepadaNya lah, kami patuh dengan berserah diri.” (Surah al-'Ankabut 29:46)

Demikianlah hak kebebasan dalam politik Islam untuk orang bukan Islam yang berada di negara Islam. Malah, menjadi tanggungjawab pemerintah Islam dalam hak kebebasan melantik daripada kalangan orang bukan Islam menjadi perwakilannya untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh bukan Islam baik daripada segi politik, ekonomi dan sosial.

Antara kebebasan yang perlu diberikan oleh pemimpin Negara Islam kepada rakyat adalah hak kebebasan berfikir dan mengeluarkan pendapat. Islam adalah agama yang menggalakkan manusia berfikir. Manusia dituntut agar berfikir tentang alam ciptaan Allah SubhanaHu wa Ta'ala agar dapat menghayati erti keagungan Allah SubhanaHu wa Ta'ala. Di samping itu, mereka juga dituntut agar memikirkan cara yang terbaik bagi membina sebuah kehidupan bernegara yang dapat memenuhi kepentingan umum.

Bertitik tolak daripada kebebasan berfikir, Islam memberikan kebebasan kepada rakyat untuk menegur pemimpin. Islam menuntut kepada setiap warganegara Negara Islam agar berani mengemukakan pendapat. Ini termasuk dalam tanggungjawab agama yang ditetapkan oleh Allah SubhanaHu wa Ta’ala iaitu tanggungjawab mengajak orang melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran yang dilakukan. Firman Allah SubhanaHu wa Ta’ala dalam *Surah Ali ‘Imran* ayat 104 yang bermaksud: “Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

Allah SubhanaHu wa Ta’ala mengkategorikan manusia sentiasa berada dalam kerugian melainkan manusia yang beriman, melakukan amal soleh dan suka memberikan teguran. Sebagaimana firman-Nya dalam *Surah al-‘Asr* ayat 1 hingga 3 yang bermaksud: “Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.”

Abu Ruqayah, nama sebenarnya Tamim bin ’Aus al-Dari melaporkan, “Nabi Muhammad pernah berkata, ‘Agama itu adalah nasihat.’ Kami yang hadir pada ketika itu bertanya, ‘Nasihat tentang apa dan untuk siapa?’ Nabi Muhammad menjawab, ‘Nasihat berkenaan Allah SubhanaHu wa Ta’ala, berkenaan kitab Allah SubhanaHu wa Ta’ala, berkenaan Utusan Allah SubhanaHu wa Ta’ala, bagi para pemimpin dan bagi semua.’” Hadis direkod oleh Muslim (Al-Nawawi, 1414H: 2/228). Al-Nawawi menjelaskan, hadis tersebut memberikan pengajaran yang sangat besar sehingga Nabi Muhammad ﷺ menjadikan amalan nasihat sebagai asas agama Islam. Oleh sebab itu, sebahagian ulamak menjelaskan, hadis ini mencakupi 25% isi kandungan agama Islam (Al-Nawawi, 1414H: 2/228).

Salah satu arahan Nabi Muhammad ﷺ dalam hadis tersebut adalah memberikan teguran kepada para pemimpin. Al-Nawawi menjelaskan, rakyat wajib membantu pemimpin atas dasar kebenaran, mentaati pemimpin berdasarkan kebenaran dan mengajak pemimpin agar mendaulatkan kebenaran dan menentang kebatilan. Rakyat wajib memberikan teguran kepada pemimpin dengan cara berlemah lembut serta memberitahu pemimpin perkara salah yang dilakukannya (Al-Nawawi, 1414H: 2/228).

Dalam masa yang sama Islam menuntut agar para pemimpin bersedia mendengar setiap teguran yang dikemukakan oleh rakyat. Tiada rakyat yang boleh dihukum kerana mengemukakan teguran kepada pemimpin. Dalam amalan *good governance*, pemimpin perlu menyediakan saluran bagi membolehkan rakyat memberikan teguran kepadanya.

Dasar ini telah dipraktikkan dalam pemerintahan Nabi Muhammad ﷺ dan Khulafa’ al-Rashidin. ‘Abd Allah bin Mas’ud melaporkan, katanya, “Selepas berlaku perang Hunain, Nabi Muhammad memberi keutamaan kepada beberapa orang dalam pembahagian harta rampasan perang. Contohnya, beliau memberikan Aqra’ bin Habis seratus ekor unta. Begitu juga dengan ‘Uyainah bin Hishnah, diberikan seratus ekor unta. Beberapa orang daripada bangsawan Arab turut menerima keutamaan. Ada beberapa orang yang tidak puas hati dengan pembahagian itu. Seorang lelaki yang tidak puas hati merungut, ‘Demi Allah! Pembahagian ini tidak adil. Perkara ini tidak mungkin direndai Allah SubhanaHu wa Ta’ala.’ Saya berkata, ‘Saya akan melaporkan perkara ini kepada Rasulullah.’ Kemudian saya menemui Rasulullah dan menyampaikan kata-kata lelaki tadi. Tidak semena-mena air muka

Rasulullah berubah. Merah padam seperti seorang yang menahan marah. Beliau berkata, ‘Siapa lagikah yang paling adil, jika Allah SubhanaHu wa Ta’ala dan RasulNya dikatakan masih tidak adil?’ Beliau berkata lagi, ‘Allah SubhanaHu wa Ta’ala merahmati Nabi Musa. Beliau disakiti dengan cara yang lebih buruk daripada ini. Tetapi beliau tetap bersabar.’” Hadis direkod oleh Bukhari dan Muslim (Al-Nawawi, 1414H: 7/128-129). Walaupun teguran lelaki tersebut begitu menyakitkan hati Nabi Muhammad ﷺ, tetapi baginda tidak menghukum lelaki itu.

Contoh lain, semasa pemerintahan ‘Umar bin Khattab, beliau menyediakan ruang yang cukup besar bagi rakyat mengemukakan teguran kepadanya. ‘Umar pernah berucap, “Wahai sekalian manusia! Sesiapa dalam kalangan saudara sekalian melihat saya melakukan kesalahan, maka tegur dan baiki saya.” Seorang Arab Badwi lantas bangun dan menyahut, “Demi Allah! Wahai pemimpin sekalian orang beriman! Jika kami dapat engkau melakukan kesalahan, sudah pasti kami akan baiki engkau dengan pedang kami ini!” Umar berkata, “Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah SubhanaHu wa Ta’ala yang telah menjadikan bagi umat ini seseorang yang berani membetulkan ‘Umar dengan pedangnya jika Umar melakukan kesalahan.” Dalam majlis yang lain, ada seorang lelaki berteriak kepada ‘Umar, “Wahai Amirulmukminin! Takutlah engkau kepada Allah SubhanaHu wa Ta’ala!” Ada lelaki lain yang berada dalam majlis itu menempelak, “Berani engkau katakan kepada Amirulmukminin, ‘Takutlah engkau kepada Allah SubhanaHu wa Ta’ala’!” Lantas ‘Umar menenangkan keadaan, “Biarkan lelaki yang menegur saya tadi menyampaikan tegurannya kepada saya. Kamu semua tidak akan mendapat sebarang kebaikan jika kamu tidak berani menegur saya. Saya tidak akan mendapat sebarang kebaikan jika tidak mendengar teguran kamu semua.” (Al-Zuhaili, 1989: 6/722)

Semasa dalam pemerintahannya, ‘Umar pernah cuba untuk menurunkan nilai maskahwin bagi golongan wanita. Polisi itu telah ditentang oleh seorang wanita, “Hai Amirulmukminin! Adakah engkau mahu menafikan hak kami, sedangkan Allah SubhanaHu wa Ta’ala telah memberikan hak menentukan maskahwin untuk kami?” Lalu ‘Umar menarik balik polisi tersebut dan berkata, “Wanita itu berkata benar, sedangkan ‘Umar telah melakukan kesilapan.” (Al-Zuhaili, 1989: 6/722)

4 KESIMPULAN

Urus tadbir awam menurut Islam adalah berteraskan maslahah rakyat. Kakitangan awam pada setiap peringkat perlu memastikan setiap perancangan dan pelaksanaan adalah untuk memenuhi maslahah dan menjauhi mafsadah. Ini hanya berlaku apabila setiap perancangan dan pelaksanaan aktiviti itu memberikan kesan positif terhadap pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Perancangan dan pelaksanaan aktiviti juga perlu disusun mengikut hierarki keutamaan iaitu untuk memenuhi maslahah daruriyyah, diikuti maslahah hajiyyah, dan seterusnya maslahah tahniiyyah. Mana-mana perancangan dan pelaksanaan aktiviti yang memberikan kesan negatif terhadap pemeliharaan lima elemen tersebut adalah suatu mafsadah.

Maqasid syariah yang menjadi teras rujukan siyasah Syar’iyah perlu dibudayakan pada setiap peringkat urus tadbir awam; sama ada pada peringkat penggubal dasar atau pelaksana dasar. Ini bagi memastikan amanah yang Allah berikan kepada setiap kakitangan awam di Malaysia dilaksanakan sebaik mungkin untuk maslahah seluruh rakyat Malaysia,

tanpa membezakan bangsa dan agama, berteraskan konsep Islam agama rahmat untuk sekalian alam.

Bagi memastikan maslahah seluruh rakyat Malaysia dipenuhi, maka para penggubal dasar dan pelaksana dasar dalam kalangan para Pemimpin Politik dan agensi Kerajaan wajib berusaha untuk melaksanakan amanah kepimpinan dengan melaksanakan urus tadbir Rabbani. Antara nilai *good governance* yang digariskan dalam al-Qur'an adalah:

- 1) Konsep akauntabiliti politik menurut al-Qur'an merujuk kepada khalifah atau ketua negara bertanggungjawab melaksanakan amanah Allah SubhanaHu wa Ta'ala dan amanah rakyat dalam sesebuah negara Islam. Mereka dipertanggungjawabkan ketika di dunia dan akhirat.
- 2) Konsep ketelusan dalam al-Qur'an merujuk kepada konsep syura, di mana masyarakat umum mengetahui serta percaya kepada dasar dan niat kerajaan dalam melaksanakannya. Ketelusan terlaksana melalui sifat bertanggungjawab kerajaan, menyediakan ruang bagi penyertaan awam dalam menggubal dasar kerajaan dan pelaksanaannya, serta membenarkan bantahan dilakukan oleh masyarakat awam dalam perkara yang boleh memberikan kesan negatif terhadap kehidupan mereka.
- 3) Antara nilai *good governance* yang terkandung dalam al-Qur'an adalah keadilan. Allah SubhanaHu wa Ta'ala mengarahkan setiap hambaNya agar melaksanakan keadilan dalam kehidupan mereka; sama ada berkaitan dengan keperluan individu, keluarga, masyarakat atau negara.
- 4) Al-Qur'an menjelaskan, bahawa integriti merupakan antara nilai teras yang perlu ada dalam sesebuah urus tadbir. Kerana itu, Islam memerangi rasuah kerana ia merosakkan kehidupan.
- 5) Atas dasar persamaan, maka *good governance* menurut al-Qur'an memberikan hak dan peluang yang sama untuk semua warganegara; tanpa mengira bangsa, warna kulit, keyakinan atau pegangan politik.
- 6) Kerajaan Islam turut mengamalkan dasar kebebasan. Setiap warganegara diberi kebebasan memilih agama masing-masing dan melaksanakan ajaran agama mereka. Islam tidak membenarkan paksaan ke atas orang bukan Islam agar menerima Islam. Namun, Islam menggalakkan umatnya agar berdakwah kepada orang bukan Islam dan menyuruh manusia melakukan kebaikan dan melarang mereka daripada melakukan kerosakan. Kerajaan Islam juga memberikan hak kebebasan berfikir dan bersuara kepada setiap rakyat. Rakyat perlu berani menegur kesilapan pemimpin dan pemimpin pula mesti bersedia menerima teguran tersebut.

BIBLIOGRAFI

- 'Abd al-Baqi, Muhammad Fu'ad (1992) *Al-Mu'jam al-mufahras li al-alfaz al-Qur'an al-Karim*. Cetakan ketiga. Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Faris, Muhammad 'Abd al-Qadir (1986). *al-Nizam al-siyasi fi al-Islam*. 'Amman: Dar al-Furqan.
- Abu Yusuf, Ya'qub bin Ibrahim al-Hanafi (1399H). *al-Kharaj*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

- Agere, S. (2000). *Promoting Good Governance: Principles, Practices and Perspectives*. London: Commonwealth Secretariat.
- Ahmad bin Hanbal (2001). *Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*. Sunt. Shu'aib al-Arna'ut et. al. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il (2002). *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Ghamidi, Nasir bin Muhammad bin Misyari (1430H). Qa'idah al-tasarruf 'ala al-ra'iyyah manut bi al-maslahah dirasah ta'siliyah tatbiqiyah fiqhiyah. *Majallah Jami'ah Ummu al-Qura li 'Ulum al-Syari'ah wa al-Dirasat al-Islamiyah*, 46: 156-218.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad (1993). *Al-Mustasfa fi 'ilm al-usul*. Sunt. Muhammad 'Abd al-Salam. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-'Iz ibn 'Abd al-Salam (1421H). *Qawa'id al-ahkam fi islah al-anam*. Sunt. Nazih Hammad & Uthman Dumayriyah. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Al-Khalidi, Solah 'Abd al-Fattah (1996). *al-Atba' wa al-matbu'in fi al-Qur'an*. 'Amman: Dar al-Manar.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Habib al-Basri al-Baghdadi (1996). *Al-Ahkam al-sultaniyah wa al-wilayah al-diniyah*. Sunt. 'Isam Faris al-Harastani dan Muhammad Ibrahim al-Zaghli. Beirut: al-Maktab al-Islami.
- Al-Mubarafuri, Abu al-'Ula Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim (2004). *al-Rahiq al-makhtum: Sirah Nabawiyah* S.A.W. Terjemahan: Muhammad Ramzi Omar. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf (1414H). *Syarh al-Nawawi 'ala sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Khayr.
- Al-Qaradawi, Yusuf (2009). *Fiqh kenegaraan*. Terj. Arsil Ibrahim. Kuala Lumpur: Blue-T Publication Sdn. Bhd.
- Al-Razi, Muhammad Fakhr al-Din bin Diya' al-Din 'Umar (1994). *Al-Tafsir al-kabir wa miftah al-ghayb*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Syafi'i, Muhammad bin Idris (2005). *al-Risalah*. Sunt. Ahmad Muhammad Syakir. Cet. ke-3. Qaherah: Maktabah Dar al-Turath.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa al-Lakhmi al-Gharnati (1997). *al-Muwafaqat fi usul al-Syari'ah*. Sunt. Ibrahim Ramadhan. Cet. ke-3. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Tobari, Abu Ja'far Muhammad bin Jarir (1992). *Jami' al-bayan fi ta'wil al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Zarkasyi, Badr al-Din bin Bahar (1982). *Al-Manthur fi al-qawa'id*. Sunt. Dr. Taysir Fa'iq Ahmad Mahmud. Kuwayt: Tab'ah Wizarah al-Awqaf.
- Al-Zarqa', Mustafa Ahmad (1387H). *al-Madkhali al-fiqhi al-'am*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Al-Zarqa', Ahmad (1409H). *Syarah al-qawa'id al-fiqhiyah*. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Al-Zuhaili, Wahbah (1989). *Al-Fiqh al-Islami wa adillatuhu*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaili, Wahbah (1991). *Al-Tafsir al-munir fi al-'aqidah wa al-syari'ah wa al-manhaj*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Arieff Salleh Rosman & Yahaya Jusoh (2015). *Tafsir Maudhu'iyy: Politik & Urus Tadbir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Bahansi, Ahmad Fathi (1965). *al-Siyasah al-jinayah fi al-syariat al-Islam*. Mesir: Maktab Darul al-'Umdah.
- Farj, Bassam 'Atiyyah Isma'il (1996). *al-Syura fi al-Quran wa al-sunnah: Dirasah maudu'iyyah wa tahliliyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Haydar, 'Ali (t.th.). *Durar al-hukkam syarah majallah al-ahkam*. Beirut: Mansyurat Maktabah al-Nahdah.

- Ibnu ‘Ashur, Muhammad al-Tohir (1998). *Maqasid al-syari’ah al-Islamiyah*. Dlm. Muhammad al-Tohir al-Misawi (1998). *Al-Syeikh Muhammad al-Tohir bin ‘Ashur wa kitabihī maqasid al-syari’ah al-Islamiyah*. Kuala Lumpur: al-Basa’ir li al-Intaj al-‘Ilmi.
- Ibnu Hajar, Ahmad bin ‘Ali al-‘Asqalani (1993). *Fath al-bari bi syarh sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibnu Kathir, ‘Imad al-Din Abu al-Fida’ Isma‘il bin ‘Umar al-Qurashi al-Dimashqi (1995). *Tafsir al-Qur'an al-'azim*. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Ibnu Majah, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Yazid al-Qazwini (t.th.). *Sunan Ibnu Majah*. Sunt. Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya’ al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- Ibnu Nujaym, Zayn al-Din Ibrahim al-Hanafi (1413H). *al-Ashbah wa al-naza’ir*. Sunt. ‘Abd al-‘Aziz Muhammad al-Wakil. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Ibnu Qayyim al-Jawziah (1961). *al-Turuq al-hukumiyyah fi al-siyasah*. Cairo: Mu’assah al-‘Arabiyyah.
- Khallaf, Abdul Wahhab (1984). *Siasah al-syar'iyyah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Muslim ibn al-Hajjaj Abu al-Hasan al-Qusyairi al-Nisaburi (t.th.). *Sahih Muslim*. Sunt. Muhammad Fu’ad ‘Abd al-Baqi. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Qal‘ah ji, Muhammad Rawwas (1996). *Qira’ah siasiyah li al-sirah al-Nabawiyah*. Beirut: Dar al-Nafa’is.
- Qutub, Sayyid (1994) *Fi zilal al-Qur'an*. Cet. Ke-22. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy & Asmak Ab Rahman (2011). Effective governance in the era of caliphate ‘Umar ibn al-Khattab (634-644). *European Journal of Social Sciences*, **18**(4): 612-624
- Uthman, Fathi (1979). *Usul al-fikr al-siyasi al-Islami*. Beirut: Mua’ssasah al-Risalah.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri (2007). *Himpunan hadis modal insan*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.